

Mystical chants in the Bajau society: a preliminary observation on the changes in the mindset towards the planting ritual

Abstract

Sebagai komuniti petani, orang-orang Bajau mempercayai bahawa penggunaan mantera turut terlibat dalam proses penanaman dan penuaian padi. Dipercayai bahawa mantera mampu menyenangkan semangat padi khusus untuk membantu menyuburkan dan menjamin hasil yang baik pada satu-satu musim penanaman padi. Biasanya, seorang bomoh akan dipanggil untuk melaksanakan upacara berkenaan sama ada sebelum ataupun selepas musim penanaman padi. Kini, kepercayaan berhubung dengan semangat padi sudah semakin pudar dan menghilang. Semakin ramai petani Bajau tidak lagi melaksanakan upacara memanggil semangat padi. Oleh yang demikian, makalah ini bermaksud untuk meneliti mantera dalam kalangan petani-petani Bajau dan, meneliti perubahan pemikiran terhadap penggunaan mantera. Yang berlandaskan dimensi hipotesis Sapir Whorf untuk melihat perubahan tersebut.